



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	26/4/2018	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN			

MELALUI ATV, pengunjung dapat melihat haiwan yang bebas berkeliaran.



JURULATIH akan memberi penjelasan mengenai garis panduan yang perlu dipatuhi ketika memasuki ke kawasan Wild Savannah.



Konvoi ATV kelilingi Wild Savannah

Di Wild Savannah Taman Safari Bukit Gambang, Pahang pengunjung berpeluang melihat dengan lebih dekat haiwan liar dengan menaiki tram khas yang dilengkapi dengan aspek keselamatan tinggi.



KUNOR



SITI HAJAR

SEBAIK melangkah keluar dari tram khas selepas mengelilingi Wild Savannah di Taman Safari Bukit Gambang, di Gambang, Pahang, Siti Hajar Mahmud, 42, terus menuju ke sebuah stesen lain yang menempatkan puluhan kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV).

Kaunter perkhidmatan penyediaan ATV dihampiri bersama ahli keluarganya untuk menyewa jentera beroda empat itu. Secara tiba-tiba adrenalinnya terus mencanak ketika mahu menunggang kenderaan tersebut.

Bayaran tunai sebanyak RM98 bertukar tangan di kaunter tersebut. Pengarang majalah yang beribu pejabat di Selangor itu menerima topi keledar sambil diberi peluang memilih ATV yang bersesuaian.

"Saya pilih ATV ini,"



MOHAMAD DANIAL tekun mendengar penerangan daripada jurulatih mengenai teknik yang betul menunggang ATV

katanya kepada jurulatih yang sedia menunggu penunggang di stesen tersebut sambil menunjukkan sebuah ATV berwarna biru.

Jurulatih

Beliau memegang stereng, cuba menekan pedal minyak dan brek untuk membiarkan dirinya merasa selesa mengawal kenderaan berkenaan selain mendapatkan mood pemanduannya.

Memandangkan ia merupakan pengalaman kali pertama Siti Hajar menunggang ATV, beliau begitu tekun mendengar penjelasan mengenai selok belok jentera berkenaan. Setelah semua pengunjung bersedia, konvoi ATV itu

mula bergerak perlahan-lahan memasuki semula Wild Savannah dengan diketuai oleh seorang jurulatih berpengalaman bagi memastikan semua peserta berada dalam keadaan selamat dan selesa.

ATV ditawarkan kepada pengunjung di Wild Savannah untuk memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat dengan lebih dekat haiwan yang agak jinak. Bagaimanapun, di kawasan berpagar elektrik yang menempatkan beberapa haiwan liar dan ganas seperti singa putih, cheetah dan dubuk pelanggan perlu menaiki tram khas.

Hanya tram bertingkap kaca dan berhawa dingin dengan tahap keselamatan

yang tinggi dibenarkan melalui 'sarang' haiwan berkenaan bagi mengelakkan sebarang risiko kepada pengunjung.

Di luar kawasan Wild Savannah tanpa pagar elektrik pula, pengunjung berpeluang melihat dengan lebih dekat gelagat dua ekor badak sumbu yang sentiasa berendam dalam kolamnya.

Keletah haiwan

Sarang buaya terletak berdekatan dengan sungai yang berpagar, burung unta, kambing, kerbau, lembu, kuda belang, emus, kudu, nyala, rusa dan melalui kandang harimau.

Pengembaraan menaiki ATV mengambil masa kira-kira 40 minit. Pengunjung perlu mematuhi beberapa peraturan bagi mengelakkan gangguan terhadap haiwan di sarang masing-masing.

Antaranya ialah mereka tidak dibenarkan turun dari kenderaan masing-masing untuk mendekati binatang.

Selain itu, pengunjung juga tidak dibenarkan menekan pedal enjin begitu kuat sehingga menimbulkan suasana bingit yang bakal memberi kesan kepada persekitaran khususnya haiwan di taman berkenaan.

Bagi Siti Hajar, meskipun agak kekok pada peringkat awal mengendalikan kenderaan beroda empat itu tetapi berlandaskan semangat yang tinggi untuk menjayakan

PENUNGGANG ATV akan melalui padang kecil yang menempatkan beberapa ekor kuda belang.





KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: KOSMO		
TARIKH	: 26/4/2018	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	: UMUM		
KLASIFIKASI	: MAKLUMAN		

PENGUNJUNG dibenarkan memberi makanan seperti pisang pada gajah.



KUNOR (depan) dan Mohamad Danial (belakang kanan) menunggang ATV secara berkonvoi di Wild Savannah.

cabaran itu, akhirnya beliau berjaya mengurangkan rasa gementarnya.

Anak perempuannya yang membonceng di belakang begitu terhibur melihat keletah haiwan dengan lebih dekat.

"Trek jalan ATV agak mencabar kerana mendaki laluan berbukit namun tunjuk ajar daripada jurulatih yang sentiasa mengawasi pemanduan telah melancarkan perjalanan konvoi kami," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Bukit Gombang Safari Park baru-baru ini.

Haiwan liar

Beliau berkunjung buat kali pertamanya ke Bukit Gombang Resort City (BGRC) untuk bercuti dan beriadah selain memberi peluang kepada dua orang anaknya untuk mempelajari secara tidak formal mengenai pelbagai haiwan jinak dan liar yang terdapat di situ.

BGRC memiliki dua taman popular iaitu Bukit Gombang Water Park dan Bukit Gombang Safari Park.

Berkonsepkan *eye to eye with the wild*, pendekatan syarikat Sentoria Bhd. yang merupakan pemaju projek pembangunan BGRC melabur jutaan ringgit pada taman itu telah memberi peluang

kepada pengunjung untuk meningkatkan pengalaman dan menimba ilmu pengetahuan mengenai dunia haiwan.

Perunding Sumber

Manusia, **Kunor Ku Pengiran**,

44, berkata, pengalaman bercuti di BGRC dan berkunjung ke Wild Savannah memberi peluang pada diri dan rakan sekerjanya melakukan beberapa aktiviti lasak yang diminati sejak

remaja.

"Saya gemarkan aktiviti sukan lasak dan mahu mencuba menunggang ATV, saya gembira kerana diberi peluang mencuba mengendalikan jentera ini sambil melihat haiwan-haiwan di sini.

"Ini merupakan satu konsep safari terbaik kerana ia merupakan pengalaman terbaik yang tidak ditawarkan oleh mana-mana pengusaha taman haiwan dan zoo di Malaysia," ujarnya.

Pengalaman menjejaki



PENGUNJUNG berpeluang melibat sedikit badan dan mata badak sumbu yang sentiasa berendam di dalam kolamnya.

haiwan liar dan hampir pupus di BGRC menyuntik minatnya untuk ke mana-mana safari di luar negara bagi menimba lebih banyak pengalaman mengenai haiwan.

Kepuasan

Menurut beliau, berkesempatan melihat sendiri badak sumbu yang sedang berendam di dalam kolam sungguh mencuit hatinya malah kesempatan berswafoto dengan kuda belang meskipun jaraknya dengan haiwan itu agak jauh.

Sementara itu, seorang remaja, **Mohamad Danial Haziq Fauzi**, 21, mahu kembali melawat BGRC bersama rakan sekerjanya untuk mencuba beberapa lagi

aktiviti lasak yang terdapat di destinasi pelancongan tersebut.

Menurut beliau, menaiki ATV memberi satu kepuasan kepada beliau untuk mencuba trek mencabar di taman tersebut selain perlu menunggangnya lebih berhati-hati agar tidak mengganggu wilayah binatang yang terdapat di situ.

"Rupanya banyak 'pantang larang' yang perlu diikuti ketika berkonvoi menunggang ATV di dalam hutan ini bagi mengelakkan daripada sebarang kemalangan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengunjung di taman tersebut.

"Golongan remaja perlu mengambil peluang ini untuk berkunjung ke taman safari bagi meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai haiwan di Malaysia, ambil tahu mengenai haiwan yang hampir pupus dan cara menjaga alam sekitar," ujarnya.

INFO Bukit Gombang Safari Park

- Taman safari terbesar di Malaysia
- Meliputi kawasan seluas 55 hektar hutan sekunder
- Terdapat dua zon iaitu pilihan untuk berjalan di taman
- Menaiki tram khas berhawa dingin yang berkaca bagi melindungi pengunjung daripada diserang binatang liar atau menaiki ATV mengelilingi kawasan Wild Savannah
- Memiliki binatang yang pertama kali terdapat di Malaysia, sebagai contohnya singa putih, kangaroo putih, burung hantu berwarna putih
- Konsep eye to eye with wild yang memberi peluang kepada pengunjung melihat dengan lebih dekat kepada binatang
- Terdapat tiga arena yang boleh menempatkan 2,000 pengunjung dalam satu-satu masa
- Pertunjukan lain ialah predator, Tarsan, memberi makan gajah, menunggang unta, bermesra dengan binatang jinak seperti burung, ayam, anab, kambing dan kuda serta Afrika Yabara Fire Show
- Terdapat restoran dan kedai cenderamata

Taman Safari Bukit Gombang menjadi kediaman 3,000 haiwan

SENTORIA GROUP BHD. pemaju projek Bukit Gombang Resort City merupakan satu-satunya syarikat swasta di negara ini yang mendapat lesen daripada Jabatan Perhilitan untuk mengendalikan taman safari.

Dikenali sebagai Taman Safari Bukit Gombang (BGSP), telah memberi satu tarikan buat pengunjung di destinasi pelancongan itu untuk mengenali dengan lebih dekat pelbagai spesies haiwan.

Sehingga kini, terdapat kira-kira 3,000 ekor binatang daripada 300



NASIRUDDIN

spesies di taman safari berkenaan.

Pembukaan taman safari ini akan memberi peluang kepada orang ramai untuk mempelajari lebih mendalam mengenai sesuatu spesies haiwan liar, haiwan yang hampir pupus dan haiwan jinak yang terdapat di dalam dan luar negara.

"Kami mahu membawa pendekatan berbeza, di sini orang ramai berpeluang melihat haiwan dengan lebih dekat khususnya ketika menaiki tram khas tatkala mereka mengelilingi Wild Savannah.

"Melalui kemahiran dan pengalaman duta taman yang dipertanggungjawabkan untuk memberi penerangan kepada pengunjung, mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mengenai keunikan setiap binatang yang ada di habitat masing-masing," kata **Ketua Pemasaran Bukit Gombang Resort City, Nasiruddin Nasrun** ketika ditemui pada sesi lawatan media ke BGRC di Gombang baru-baru ini.

Menurut Nasiruddin, antara perbezaan kandang haiwan yang dipelihara di taman safari ini ialah saiznya lebih besar dengan keluasan 14 meter berbanding 10 meter di taman haiwan lain.

"Dengan saiz kandang yang lebih besar, haiwan yang tinggal di sini akan berasa lebih selesa bergerak dan tidak tertekan dengan persekitaran semasa," katanya.

Bagi mendapatkan kepuasan melawat di setiap tarikan yang terdapat di BGSP, pengunjung perlu menghabiskan masa antara enam hingga lapan jam sehari.

Bermula dari Wild Savannah, pelbagai aktiviti menarik disusun sepanjang pengembaraan tersebut. Ia bakal berakhir di sebuah restoran dikelilingi dinding kaca untuk melihat keletah dua ekor singa putih Afrika sambil menikmati makan malam.